

Cacing serang orang dewasa

Perlu ambil ubat elak, merebak ke dalam badan, mata, hati, paru-paru dan salur darah

Oleh Halina Mohd Noor
halina_mdnoor@bh.com.my

Adakah benar orang dewasa juga perlu makan ubat cacing seperti yang lazimnya diambil oleh kanak-kanak.

Hakikatnya cacing boleh menjangkiti sesiapa sahaja, sama ada kanak-kanak mahupun orang dewasa melalui pemakanan dan sentuhan.

Pensyarah Kanan, Makmal Parasitologi, Jabatan Patologi & Mikrobiologi Veterinar, Fakulti Perubatan Veterinar, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr Nur Mahiza Md Isa, berkata orang dewasa juga boleh mengambil ubat cacing sekiranya perlu.

Katanya, ubat cacing boleh dimakan tetapi dengan nasihat doktor terutama wanita hamil kerana sebahagian ubat cacing boleh memberikan kesan sampingan.

“Cara untuk membunuh cacing berbeza-beza mengikut kelas, termasuk tindakan melumpuhkan cacing dengan ubat tertentu atau menyebabkan kebuluran kepada cacing kerana ia bertindak menghalang pengambilan glukosa oleh cacing, seterusnya cacing ini akan mati seterusnya keluar melalui najis,” katanya.

Cara cacing berjangkit
Ada juga ubat yang akan menyebabkan cacing mati

dan hancur secara semula jadi melalui proses pencernaan.

Katanya, jangkitan cacing bermula dengan telur cacing pada najis manusia dan juga najis haiwan seperti kucing dan anjing yang masuk ke dalam badan manusia.

Telur itu akan menetas dan larva cacing akan menembusi dinding usus seterusnya dibawa oleh saluran peredaran ke pelbagai tisu seperti hati, paru-paru, jantung, otak, otot dan mata.

“Jangan ambil mudah dengan masalah cacing kerana kebanyakan kita mungkin beranggapan ia hanya berada di dalam usus saja.

“Sebenarnya kesan jangkitan cacing boleh merebak ke pelbagai bahagian badan termasuk mata, hati, paru-paru dan salur darah. Oleh itu, pepatah Melayu, ‘jangan sampai cacing naik ke mata,’ memang ada kebenarannya,” katanya.

Beliau berkata, cacing juga boleh menjangkiti manusia melalui pemakanan tumbuhan air, seperti selada air (watercrest) dan sayur kangkung.

Penggemar ulam perlu makan ubat cacing memang benar kerana sesetengah ulam mungkin mengandungi larva cacing yang boleh membiak dalam usus sekiranya dibiarkan.

Cacing dalam

Beliau berkata, sesetengah ulam mungkin tercemar dengan cacing trematod yang dinamakan fasciola yang boleh dilihat melalui mata kasar.

Larva cacing yang dipanggil metaserkaria ada pada tumbuhan ini. Terdapat kes yang dilaporkan dalam artikel ‘The Medical Journal of Australia’, pelancong dari Australia yang melancong

ke Bali, didapati terkena jangkitan parasit Fasciola ini pada 2011 - 2014. Sainitis mengaitkan insiden itu dengan pemakanan ulam dan salad.

Katanya terdapat tiga kumpulan utama cacing yang dinamakan nematod (gelang), trematod (fluk) dan cestod (pipih atau pita) yang menjangkiti manusia.


Hanya kumpulan cacing gelang yang digelar sebagai nematod, yang mempunyai cacing jantan dan betina, yang boleh bersenggama.

Cacing trematod adalah hermaphrodite, dimana ia mempunyai organ, struktur atau tisu jantan dan betina (kecuali fluk darah). Begitu juga dengan cacing cestod.

Beliau berkata, berbalik kepada cacing kelas nematod tadi, cacing jantan biasanya kecil daripada betina.


Proses persenyawaan berlaku di dalam perumah atau hos apabila terdapat persekitaran yang sesuai tanpa mengira tempoh tertentu dalam kalendar Islam iaitu setiap 15 sehingga 21 hari bulan seperti ditularkan.

“Mengikut kefahaman saya, tiada lagi bukti saintifik yang mengatakan pembiakan berlaku pada tarikh tertentu dalam kalendar,” katanya.



Jangan ambil mudah dengan masalah cacing kerana kebanyakan kita mungkin beranggapan ia hanya berada di dalam usus saja”

Dr Nur Mahiza Md Isa,
Pensyarah Kanan, Makmal Parasitologi,
Jabatan Patologi & Mikrobiologi Veterinar,
Fakulti Perubatan Veterinar, UPM



Cacing fasciola